

MITOS JERAM MAK NENEK, PASIR PUTEH, KELANTAN

AFAF SALSABILA HUSNA BINTI ARJUNAI
Universiti Kebangsaan Malaysia
a180432@siswa.ukm.edu.my

*MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH**
Universiti Kebangsaan Malaysia
muammar@ukm.edu.my

* Pengarang Perantara

ABSTRAK

Cerita mitos dalam bentuk tradisi lisan rakyat menerangkan asal usul kejadian atau peristiwa penting seperti penempatan, binatang, alam dan manusia. Masyarakat dahulu kala telah menjadikan cerita mitos sebagai salah satu cara bagi mengenang sejarah tradisi kebudayaan mereka. Hal ini adalah kerana cerita mitos rakyat dipercayai benar-benar pernah berlaku pada suatu masa dahulu. Oleh itu kajian ini memfokuskan kepada cerita mitos yang terdapat di sebuah kampung pedalaman iaitu Kampung Sungai Durian, Selising yang terkenal dengan keindahan dan kesegaran fauna dan flora serta kedinginan air terjun iaitu Jeram Mak Nenek atau dikenali juga sebagai Jeram Mengaji. Ia terletak di daerah Pasir Puteh, Kelantan. Cerita-cerita mitos yang menarik di sebalik asal usul nama jeram ini boleh menjelaskan identiti kepercayaan tradisi dan kisah budaya masyarakat setempat. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kajian lapangan di samping kajian perpustakaan. Kajian menggunakan dua teori iaitu teori mitos dan teori fokolur untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur dan nilai mitos Jeram Mak Nenek. Hasil kajian mendapati terdapat sekurang-kurangnya dua versi cerita rakyat masyarakat setempat mengenainya iaitu versi kisah seorang wanita tua dipanggil Mak Nenek dan versi suara misteri orang mengaji. Dengan hasil kajian ini, penceritaan tradisi lisan mengenai jeram ini tidak lagi sekadar ingatan yang hampir luput dalam generasi mendatang bahkan sudah boleh dirujuk sebagai bahan ilmiah yang boleh dilanjutkan kajian mengenainya pada masa hadapan.

Kata Kunci: Cerita mitos; cerita tradisi lisan; fokolur, Jeram Mak Nenek; Jeram Mengaji

THE MYTH OF JERAM MAK NENEK, PASIR PUTEH, KELANTAN

ABSTRACT

Mythical stories in the form of oral traditions of the people explain the origin of events or important events such as settlements, animals, nature and people. Ancient societies have made mythical stories as one of the ways to remember the history of their cultural traditions. This is because folk mythic stories are believed to have really happened in the past. Therefore this study focuses on the mythical story found in an inland village called Kampung Sungai Durian, Selising which is famous for the beauty and freshness of fauna and flora as well as the coldness of the waterfall which is Jeram Mak Nenek or also known as Jeram Mengaji. It is located in

Pasir Puteh district, Kelantan. The interesting mythical stories behind the origin of the name of this rapid can explain the identity of the traditional beliefs and cultural stories of the local community. This study is qualitative using field research methods in addition to library research. The study uses two theories, namely myth theory and folklore theory to identify and analyze the elements and values of the myth of Jeram Mak Nenek. The results of the study found that there are at least two versions of the local community's folklore about it, which is the version of the story of an old woman called Mak Nenek and the version of the mysterious voice of people studying. With the results of this study, the narration of the oral tradition about this rapid is no longer just a memory that is almost lost in future generations, it can even be referred to as scientific material that can be continued to study about it in the future.

Keywords: Myth stories, oral tradition stories; folklore; Jeram Mak Nenek; Jeram Mengaji

PENGENALAN

Hampir setiap masyarakat di dalam negeri-negeri di Malaysia mempunyai cerita mitos yang tersendiri. Cerita mitos dianggap sebagai cerita tradisi rakyat yang berlatarkan kisah masa lampau serta dianggap benar oleh masyarakat atau sebahagian daripada mereka. Dari sudut etimologi, perkataan mitos berasal daripada bahasa Yunani iaitu *muteros* yang bererti cerita purbakala. Cerita mitos yang tersebar dalam kalangan masyarakat lama di sesebuah tempat itu, selain telah dianggap suatu kisah yang benar, dan turut ditanggapi memiliki nilai sakral atau dalam kata lain suci. Namun demikian, cerita-cerita mitos yang dianggap suci ini telah diterima oleh akal fikiran masyarakat dahulu serta mereka menganggap cerita tersebut sebagai hak milik mereka. Hal ini dikatakan sedemikian kerana cerita mitos ini datang daripada sumber penyampaian mulut orang-orang tua masyarakat terdahulu. Selain itu, turut difahamkan bahawa mitos mempunyai unsur-unsur luar biasa yang boleh dikatakan sukar untuk diterima logik akal manusia.

Cerita mitos yang pernah menjadi sebutan masyarakat dahulu tidak diungkapkan dengan sewenang-wenangnya sahaja namun cerita tersebut mempunyai kepercayaan serta cerminan pemikiran sesebuah kelompok masyarakat. Oleh hal yang sedemikian, cerita mitos yang wujud dalam kalangan sesebuah masyarakat boleh dianggap peristiwa yang benar-benar berlaku pada suatu ketika dahulu. Sejak wujudnya cerita-cerita mitos ini juga telah menimbulkan persoalan dan kemusykilan dalam kalangan masyarakat yang ingin mengetahui kebenaran di sebalik cerita mitos. Oleh itu, tujuan kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk menyebarkan dan mengangkat semula cerita mitos yang tersembunyi di sebalik nama Jeram Mak Nenek atau Jeram Mengaji. Secara tidak langsung, kajian ini berpotensi untuk mengekalkan cerita mitos ini terus mekar dalam kalangan masyarakat setempat mahupun luar bahkan dapat menonjolkan rasa penghargaan pengkaji terhadap penutur dari zaman dahulu yang memulakan kewujudan cerita mitos yang menarik kepada masyarakat setempat.

KONSEP MITOS

Menurut Malinowski (1948), mitos berfungsi untuk kepuasan, kehendak agama dan juga keinginan moral dalam masyarakat primitif lagi. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan daripada beliau yang mengatakan bahawa makna dan fungsi mitos dalam kalangan masyarakat primitif adalah seperti berikut:

A myth is a narrative resurrection of a primeval reality, told in satisfaction of deep

religions wants, moral cravings, social submissions, assertions, even practical requirements: it expresses anchance and codifies belief; it safeguards and enforces morality; it vauches for the efficiency of ritual and contains practical rules for the guidance of man. Myth is thus a vital ingredient of human civilization; it is not an idle tale but a hardworked active force.

(Malinowski, 1948:10)

Berdasarkan kenyataan di atas, mitos berfungsi memperkuat kepercayaan masyarakat dan cerita tersebut memberi nilai moral kepada masyarakat primitif. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat primitif menganggap cerita mitos bukan hanya sebuah cerita yang biasa tetapi dianggap sebagai satu cerita yang menjadi kenyataan hidup masyarakat tersebut kerana mereka telah mempercayai bahawa cerita-cerita mitos pernah berlaku sejak zaman masyarakat purba lagi.

Selain itu Mirces Eliade (1963) turut berpendapat bahawa *myth* yakni mitos bermaksud sebagai cerita-cerita purbakala, cerita-cerita dongeng dan cerita-cerita yang berbentuk khayalan. Pada kebiasaannya bentuk cerita mitos sangat terkait rapat dengan tentang kejadian alam, manusia, haiwan, bumi dan langit. Menurut beliau lagi ada mengatakan bahawa cerita mitos berfungsi untuk menjadi bimbingan masyarakat primitif kerana mitos merupakan kekuatan aktif yang bekerja iaitu yang bermaksud cerita mitos tersebut sebagai aturan hidup mereka. Contohnya mitos yang memperlihatkan kekuatan makhluk-makhluk ghaib atau *supernatural* ini perlu dijadikan sebagai teladan kepada masyarakat primitif. Menerusi kisah asal-usul Merong Mahawangsa yang termaktub dalam ilmu Sastera Sejarah telah membuktikan bahawa Raja Merong Mahawangsa berasal daripada dewa keinderaan dan dianggap gergasi dari Rom setelah berkahwin dengan isterinya yang berasal daripada keturunan raksasa. Oleh itu, jelas bahawa bentuk cerita mitos itu mempunyai jalan cerita yang tidak logik namun, boleh dipercayai oleh masyarakat dahulu kala sehingga hari ini.

Memandangkan cerita-cerita mitos telah dianggap benar serta suci dalam kalangan masyarakat dahulu, maka cerita-cerita ini telah memainkan peranan penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita-cerita mitos yang wujud sejak dari zaman dahulu lagi ini dapat mengangkat imej serta budaya masyarakat dahulu. Penutur cerita menjadi penggerak utama untuk berkongsi cerita-cerita lisan yang berkaitan dengan sesuatu bangsa tersebut. Secara tidak langsung, cerita mitos dapat menjulang imej sesebuah masyarakat yang mendiami di sesebuah tempat atau daerah. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi definisi mitos yang dihujah oleh sarjana Barat iaitu Artherwight (1972), yang mengatakan bahawa cerita mitos dapat dijadikan sebagai teladan kepada kehidupan manusia dan juga cerminan budaya sesebuah kelompok masyarakat.

Menurut Hashim Awang (1985), ada menyatakan bahawa ciri-ciri cerita mitos ialah cerita yang mengisahkan tentang manusia, makhluk atau peristiwa luar biasa yang tidak rasional dan tidak dapat diterima oleh akal manusia. Walaupun cerita mitos mempunyai ciri-ciri seperti tersebut dan menjadi suatu kepercayaan masyarakat zaman dahulu dan tidak mempertikaikan akan kelogikannya kerana dianggap sebuah cerita yang penting untuk dipercayai dan merupakan cerminan budaya sesebuah kelompok masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita mitos banyak mengandungi budaya masyarakat setempat. Dalam cerita mitos juga mempunyai unsur-unsur sakral atau magis yang diterapkan oleh penutur. Ciri cerita mitos yang dikatakan cerita yang sukar diterima logik akal ini juga seiring dengan asal cerita mitos ini tercetus daripada imaginasi tinggi oleh penutur dahulu kala dan disampaikan kepada masyarakat setempat dengan kaedah lisan iaitu dari mulut ke mulut.

TEORI KAJIAN

Kajian ini menggunakan teori mitos dan teori tradisi lisan atau foklor. Kedua-dua teori ini dipercayai mampu memperlihatkan unsur-unsur mitos dan ciri-ciri tradisi lisan. Teori mitos dan teori tradisi foklor mempunyai keterkaitan antara satu sama lain kerana konsep mitos itu sendiri telah dianggap cerita rakyat atau foklor rakyat yang dianggap suci dan benar-benar berlaku pada suatu ketika dahulu. Tujuan cerita rakyat membawa hiburan dan pendidikan kepada masyarakat (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2022).

Teori Mitos

Menerusi teori mitos ada menyatakan bahawa cerita mitos sebagai penggerak utama dalam sesebuah peristiwa yang pernah terjadi suatu ketika dahulu. Hal ini dikatakan sedemikian kerana menerusi cerita mitos dapat dijadikan sebagai penjelasan yang mudah kepada masyarakat dahulu. Menurut Frazer (1918), mitos perlu dibaca secara literal agar dapat menyampaikan satu kejadian atau fenomena kepada sesebuah kelompok masyarakat dengan jelas dan nyata seperti cerita mitos yang asal. Dalam teori mitos turut menyatakan bahawa cerita mitos merupakan cerita yang unik. Hal ini dikatakan sedemikian kerana cerita-cerita mitos banyak menggunakan unsur metafora. Unsur metafora dalam cerita-cerita mitos ini juga dikatakan wujud sejak zaman manusia primitif. Selain daripada unsur metafora cerita mitos turut dianggap mempunyai penjelasan cerita-cerita berkaitan dengan perkara yang aneh (Tylor, 1958).

Robert Graves (1955), berpendapat bahawa mitos mempunyai dua fungsi utama. Fungsi pertama adalah untuk menjawab segala persoalan yang diajukan daripada anak-anak. Sebagai contoh, soalan seperti berkaitan dengan kewujudan dunia. Fungsi seterusnya adalah berkaitan dengan upacara ritual. Beliau menjelaskan bahawa mitos ini membenarkan sistem sosial yang melakukan upacara ritual dan adat istiadat tradisional. Sebagai contoh, beliau mengaitkan dengan mitos Yunani Kuno iaitu kisah dewa dewi dan pahlawan merupakan perkara yang penting untuk disanjung dalam kehidupan seharian masyarakat tersebut. Selain daripada itu juga, beliau turut mengaitkan mitos upacara ritual dengan menyembah matahari yang membawa maksud masyarakat Yunani Kuno percaya akan matahari adalah punca mereka dapat melihat dunia.

Menerusi teori ini juga, ada menyatakan bahawa cerita mitos boleh menjadi penjelasan tentang kepelbagaian budaya manusia di dunia. Unsur mitos yang terdapat dalam sosial budaya sesebuah masyarakat ini dapat menjadi pendukung kepada masyarakat untuk mengekalkan kepercayaan cerita-cerita tersebut sehingga dapat menjadi satu pegangan bagi sesebuah masyarakat.

Teori Tradisi Lisan (*Folklore*)

Perkataan foklor merupakan perkataan yang berasal dari bahasa Inggeris iaitu *folklore*. *Folk* bermaksud sekelompok orang yang memilih ciri-ciri pengenalan fisik, sosial dan kebudayaan manakala *lore* bermaksud sebahagian kebudayaannya, yang diwariskan secara turun-temurun melalui lisan.

Danandjaja (1986) telah memperkenalkan beberapa ciri yang terdapat dalam teori foklor. Terdapat 9 ciri-ciri foklor yang termaktub dalam teori tradisi lisan (*folklore*):

1. Penyebaran dan pewarisannya biasanya dilakukan secara lisan, iaitu disebarkan menerusi tutur kata dari mulut ke mulut dari satu (atau dengan suatu contoh yang disertai dengan gerak isyarat, dan alat pembantu penguat) dari satu generasi ke generasi yang lain.
2. Foklor disifatkan sebagai tradisional yang dikatakan bahawa ia disebarkan dalam

- bentuk yang relatif tetap dan disebar di antara kolektif tertentu dalam waktu yang cukup lama.
3. Foklor mempunyai versi yang berbeza-beza kerana cara penyampaian dari mulut ke mulut itu membuatkan foklor mengalami perubahan dari cerita yang asal. Namun begitu, perubahan yang berlaku itu hanyalah sekadar pada luarannya sahaja dan tidak akan menjejaskan jalan penceritaannya kerana cerita tersebut masih mempunyai intipati yang sama.
 4. Foklor disifatkan sebagai anonim kerana cerita-cerita lisan yang wujud ini tidak akan ketahui pencipta asalnya.
 5. Foklor berbentuk berumus atau berpola.
 6. Foklor berfungsi sebagai dalam kehidupan bersama suatu kolektif.
 7. Foklor bersifat sebagai pralogis yang bermaksud mempunyai logik sendiri dan juga dianggap tidak sesuai untuk logik akal umum.
 8. Foklor bersifat sebagai milik bersama (*collective*) kerana pencipta utama sesebuah cerita lisan tidak diketahui sehingga menjadikan cerita ini sebagai hak milik masyarakat.
 9. Foklor bersifat sebagai polos kerana ia dianggap cerita spontan yang tidak mempunyai ikatan dengan fakta.

Sastera rakyat yang dinyatakan lagi dalam teori tradisi lisan (*folklore*) juga dianggap sebagai milik masyarakat dan tidak akan ketahui gerangan pemilik pengarang sesuatu cerita. Oleh hal yang sedemikian, sastera rakyat dapat dianggap sebagai hak milik bersama sesebuah kelompok masyarakat. Sastera rakyat dikatakan hak milik bersama masyarakat kerana cerita-cerita ini akan kekal diwarisi dan disebar di dalam masyarakat dari satu generasi ke generasi yang lain melalui pertuturan sahaja.

Sastera rakyat juga dikatakan bahawa cerita ini tidak mempunyai kebenaran dan fakta. Mengikut konsep cerita lisan ia boleh dianggap sebagai cerita yang lebih kepada berbentuk hiburan kepada masyarakat dahulu. Oleh itu, teori tradisi lisan (*folklore*) menegaskan bahawa sastera rakyat ini mempunyai unsur-unsur fantasi yang sukar diterima logik akal manusia pada masa ini. Namun demikian, disebalik cerita khayalan ini, fungsinya ialah sebagai pengajaran kepada masyarakat dahulu.

SOROTAN LITERATUR

Fatimah Hassan dan Hamid Mohd Isa (2014), menerusi kajian bertajuk “*Mitos dan legenda sebagai produk pelancongan di Malaysia: kajian kes Lembah Lenggong*” membincangkan bahawa sesuatu tempat itu boleh diangkat sebagai kawasan pelancongan dengan menggunakan kuasa cerita mitos dan legenda yang wujud. Kajian ini menegaskan bahawa segala pemerihalhan mitos dan legenda perlu diperkasakan untuk mengangkat semula sejarah asal usul sesuatu tempat itu agar dapat diketahui dalam masyarakat umum. Sejarah yang terselit di sebalik asal usul tempat dapat menjadi tarikan yang unik dan berpotensi untuk meraih kunjungan yang ramai. Oleh itu, dengan menggunakan cerita mitos dan legenda yang terdapat di kawasan pelancongan itu dapat membantu untuk mengangkat semula cerita rakyat yang telah sekian lama wujud di sesebuah kawasan pelancongan. Kajian ini juga turut mengatakan bahawa pengunjung lebih berminat untuk berkunjung ke tempat-tempat bermitos kerana identiti sesebuah negara itu terkandung dalam teks penulisan sejarah yang kerap kali mengandungi mitos dan legenda yang telah dipertuturkan dari generasi ke generasi. Unsur-unsur mitos dan legenda ini dapat memberi simbol kepada masyarakat dahulu dan akan dihargai oleh masyarakat sekarang kerana ia merupakan satu penghargaan. Sebagai contoh, unsur mitos dan legenda garuda yang dijadikan sebagai simbol dan identiti negara Indonesia

dan Thailand.

Seterusnya, menerusi buku "*Citra Wira Rakyat Dalam Legenda Mat Salleh*" oleh Low Kok On (2001), ada menerapkan legenda Mat Salleh dan beberapa cerita asal usul. Buku ini dapat dikaitkan dengan kajian ini kerana cerita mitos mempunyai kaitan di antara satu sama lain dengan cerita legenda kerana kedua-dua cerita ini merupakan cerita lisan. Mat Salleh merupakan wira tempatan Sabah yang memperjuangkan nasib penduduk tempatan yang ditindas oleh pihak penjajah British. Nama pewira Mat Salleh ini disebut sebagai legenda di beberapa lokasi yang terdapat di negeri Sabah. Antaranya ialah cerita asal usul Kubu Mat Salleh di Putatan mempunyai unsur legenda yang telah tersebar dalam kalangan penduduk setempat pada suatu ketika dahulu dan kisah ini masih dikekalkan hingga sekarang. Legenda yang dikatakan oleh penduduk setempat adalah berkait dengan kubu yang pernah digunakan oleh Mat Salleh untuk menyembunyikan ahli keluarga, wanita dan orang tua sebelum beliau menyerang Pulau Gaya pada tahun 1897. Jelas di sini bahawa unsur legenda yang terdapat di sesuatu lokasi dapat mengangkat semula pewira yang pernah menabur jasa pada suatu ketika dahulu dan akan dihargai oleh masyarakat dari dahulu sehingga sekarang.

Ruhaiza Abu Bakar, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris dan Mohamad Kazar Razali (2017), pula menegaskan bahawa unsur mitos dan legenda dapat dijadikan sebagai sesuatu yang baru dalam pelancongan kerana ia dapat dijadikan sebagai produk pelancongan di sesuatu lokasi. Hal ini dikatakan menerusi kajian yang bertajuk "*Mitos dan legenda Tasik Chini sebagai produk pelancongan.*" Bagi menjelaskan lagi perkara ini mereka mengambil contoh Pulau Langkawi yang mempunyai Makam Mahsuri yang merupakan satu lokasi yang kaya dengan mitos dan legenda seorang wanita cantik bernama Mahsuri. Kisah sejarah legenda Mahsuri ini boleh dikatakan telah diterima ramai dalam kalangan masyarakat kerana ia mempunyai cerita mitos dan legenda yang menarik. Oleh hal yang sedemikian, masyarakat setempat masih menjaga sejarah mitos dan legenda ini agar dapat diwarisi ke generasi yang akan datang. Meneliti di lokasi Tasik Chini pula terdapat unsur mitos dan legenda yang berkait rapat dengan tentang seekor naga yang dipercayai menjaga tasik tersebut. Mitos naga itu dikatakan menjaga kesejahteraan Tasik Chini dari perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Cerita mitos ini telah memberi kesan kepada pelancongan di Tasik Chini dengan menggunakan simbol naga sebagai lambang tarikan pelancongan. Contohnya, kajian ini ada mengatakan terdapatnya gambar-gambar naga yang digantung di resort untuk mengangkat dan memperkenalkan mitos di Tasik Chini kepada para pelancong yang datang.

Akhir sekali, dalam kajian "*Sastera rakyat daripada perspektif kearifan tempatan dan potensinya kepada pelancongan budaya di Sarawak*" oleh Dilah Tuah (2022), diangkat isu tentang negeri Sarawak yang kaya dengan cerita mitos dan legenda di mana ia berjaya menjadi sumber tarikan pelancong. Sebagai contoh, kajian menelusuri legenda asal usul Santubong yang merupakan salah satu bentuk pancingan pelancong untuk berkunjung ke Bumi Kenyalang di pulau Borneo itu. Menurut kajian ini lagi, kisah asal usul Santubong sebagai penempatan yang makmur bukanlah mitos semata-mata namun ia telah memberi kesan pada masa ini dengan ketamadunan Santubong. Hal ini telah dibuktikan dengan penemuan tinggalan sejarah yang masih dapat dilihat lagi sehingga hari ini. Bukti-bukti cerita mitos ini sangat membantu untuk menarik kedatangan pelancong mengunjungi kawasan tersebut. Jelaslah bahawa kajian ini membuktikan cerita asal usul mitos atau legenda dapat memberi sumbangan kepada tarikan pelancongan di sesuatu lokasi.

Berdasarkan kajian lepas tersebut, sedikit sebanyak menyumbang idea yang baru kepada pengkaji untuk menjalankan kajian yang berkaitan dengan cerita rakyat iaitu kisah mitos yang terdapat di sebalik sesuatu tempat yang terkenal mahupun tidak. Oleh itu, kajian ini akan merungkai tentang asal usul nama tempat Jeram Mak Nenek dan Jeram Mengaji yang terletak di Daerah Selising, Pasir Puteh, Kelantan. Cerita rakyat sebegini adalah sangat bernilai kerana ia adalah milik masyarakat bersama, bukan milik atau hak mutlak individu (Muhammad Nur

al-Hakim et.al., 2021)

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Kaedah perpustakaan adalah diperlukan untuk memperoleh data sekunder yang menyokong kajian. Diawali dengan mencari bahan rujukan ilmiah daripada kajian lepas seperti tesis, artikel, buku dan jurnal yang berkaitan dengan mitos dan folklor. Kaedah lapangan dilakukan dengan melakukan lawatan ke lokasi kajian. Lokasi kajian ialah Jeram Mak Nenek atau dipanggil Jeram Mengaji dalam Daerah Selising, Pasir Puteh, Kelantan dipilih kerana terdapat beberapa kisah mitos yang masih berlegar dalam ingatan masyarakat setempat di sebalik penamaannya sedemikian dan belum dilakukan suatu kajian berlandaskan kaedah ilmiah yang dapat menjelaskan kemisteriannya. Kaedah lapangan dilakukan dengan melakukan kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual. Beberapa orang informan yang ditemubual adalah terdiri daripada penduduk setempat. Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan data utama menyentuh maklumat tentang cerita mitos yang terdapat di tempat tersebut. Informan I kajian ini iaitu Puan Siti Kalsom Mat Ali, penjaja, 65 tahun dan dijalankan temu bual dengannya pada 18 November, 2022. Seterusnya informan II adalah Puan Nor Tijah Binti Soleh, seorang penjaja, 61 tahun, yang dijalankan temu bual dengannya pada 18 November 2022. Seterusnya Informan III, Encik Muhammad Bin Yusoff, Pengarah Jeram Mak Nenekng dilaksanakan temu bual dengannya pada 10 Januari 2023. Informan IV adalah Encik Arjunaidi Hussin, 53 tahun, seorang guru dari penduduk asal, yang dijalankan temu bual dengannya pada 2 Februari 2023. Semua temu bual dilaksanakan di lokasi kajian lapangan iaitu di sekitar Jeram Mak Nenek. Analisis data dilakukan setelah dilakukan bacaan rapi dan saringan sesuai dengan keperluan yang ditetapkan berdasarkan kriteria-kriteria dalam teori mitos dan teori tradisi lisan atau folklor.

LOKASI DAN POPULASI KAJIAN

Jeram Mak Nenek atau Jeram Mengaji adalah kawasan lata air terjun yang indah dan segar. Ia terletak lebih kurang 13 km dari Pekan Selising atau 22 km dari Bandar Pasir Puteh (Pusat Ekonomi Digital Kampung Selising, Kelantan, 2019). Jeram ini terletak jauh dari jalan utama berbanding dengan jeram-jeram lain yang terdapat di daerah Pasir Puteh. Jeram ini mempunyai jarak kira-kira 40 kilometer dari Kota Bharu iaitu ibu negeri Kelantan. Ia mungkin tidak diketahui orang luar kerana lokasinya terletak dalam kawasan yang agak jauh ke pedalaman. Walaupun begitu jeram ini menjadi salah satu jeram yang terkenal di Pasir Puteh. Jeram ini mula terkenal setelah berlakunya projek ubah suai di sekitar kawasan sehingga tempat ini menjadi salah satu tempat yang tersohor dalam kalangan penduduk setempat mahupun masyarakat dari luar negeri. Hasil dari usaha membangunkannya yang masih berlangsung, ia telah dibuka kepada orang ramai untuk tujuan aktiviti-aktiviti rekreasi sejak 2005. Hasil daripada temu bual dengan pengarah Jeram Mak Nenek iaitu Encik Muhammad Bin Yusoff, 63 tahun, beliau mengatakan bahawa jeram ini secara rasminya diiktiraf pada tahun 2007 oleh Yayasan Amanah Tok Kenali (YTK) iaitu salah satu sebuah agensi kerajaan Negeri Kelantan.

Menurut informan yang bernama Encik Muhammad Bin Yusoff lagi ada mengatakan bahawa pada asalnya, jeram ini berada di sebuah hutan simpan kekal. Hutan simpan ini adalah Hutan Simpan Kekal Cabang Tongkat yang merupakan hutan gabungan tiga jajahan iaitu Pasir Puteh, Machang dan Kota Bharu. Jeram Mak Nenek sukar untuk diketahui orang ramai pada suatu ketika dahulu kerana jeram tersebut berada di tengah-tengah hutan simpan kekal ini. Bukan itu sahaja, Jeram Mak Nenek yang dahulunya berada di tengah-tengah hutan ini

membuatkan penduduk setempat juga kurang berminat untuk ke sana. Hal ini dikatakan sedemikian kerana mereka perlu berhadapan risiko yang tinggi sebelum ke jeram ini dengan meredah Hutan Simpan Kekal Cabang Tongkat terlebih dahulu.




GAMBAR 1. Menunjukkan peta negeri Kelantan
Sumber: Kajian lapangan, 2023

Gambar 1 menunjukkan negeri Kelantan berkedudukan berada di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia bersebelahan negeri Terengganu dan Pahang. Kelantan juga bersempadan dengan Perak di Barat, Thailand di sebelah Utara dan Laut Cina Selatan di sebelah Timur. Kelantan berkeluasan 14,922 kilometer persegi dan mempunyai beberapa jajahan. Antara jajahan atau daerah yang terdapat di negeri Kelantan ialah Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Pasir Puteh, Tumpat, Kuala Krai, Gua Musang, Tanah Merah dan Jeli. Jeram Mak Nenek adalah dalam Jajahan Pasir Puteh.



GAMBAR 2. Menunjukkan peta Daerah Pasir Puteh
Sumber: Kajian lapangan, 2023

Gambar 2 menunjukkan Daerah Pasir Puteh sahaja. Daerah ini merupakan daerah yang kelima terbesar di negeri Kelantan. Ia terletak di sempadan Utara Jajahan Kota Bharu, sebelah Barat dengan Jajahan Machang, sebelah Timur Laut dengan Jajahan Bachok. Negeri ini juga bersebelahan dengan negeri jiran yang juga berkedudukan di semenanjung Pantai Timur iaitu negeri Terengganu.



GAMBAR 3. Menunjukkan peta 35 buah mukim yang terdapat di Daerah Pasir Puteh
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia:2020

Gambar 3 menunjukkan peta 35 buah mukim yang terdapat di Daerah Pasir Puteh Kelantan. Antara mukim yang terdapat di daerah ini ialah Mukim Bukit Tanah, Mukim Jerus, Mukim Merbau, Mukim Kolang Tembesu, Pekan/Mukim Selising dan di sini Jeram Mak Nenek, Mukim Tasik, Mukim Berangan, Mukim Banggol Setol, Mukim Bukit Abal Timur/Barat, Mukim Kampung Wakaf, Mukim Seligi, Mukim Merangkap, Mukim Seligi, Mukim Permatang Sungkai, Mukim Padang Pak Amat, Mukim Merangkap, Mukim Batu Sebutir, Mukim Pengkalan, Bandar/Mukim Pasir Puteh, Mukim Merbol, Mukim Changgal, Mukim Gong Garu, Mukim Telipot, Mukim Kandis, Mukim Gong Datuk Barat/Timur, Mukim Gong Kulim, Mukim Semerak, Mukim Cherang Ruku, Mukim Gong Pachat, Mukim Gong Chengal dan Mukim Gong Nangka (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), Daerah Pasir Puteh mempunyai jumlah penduduk seramai 136,157 dengan warganegara sebanyak 135,280 bersamaan dengan 99.4% . Etnik Bumiputera 133,762 (98.9%), Cina 621 (0.5%), India 71 (0.1%) dan lain-lain 823 (0.6%). Namun begitu, bahagian populasi penduduk ini akan memfokuskan sekitar kawasan Jeram Mak Nenek dengan mengambil kira beberapa mukim yang terdekat sahaja. Antara mukim yang terdekat di Jeram Mak Nenek adalah Mukim Pasir Puteh, Mukim Selising, Pekan Selising dan Mukim Bukit Abal Timor. LOKASI

DAPATAN KAJIAN

Jeram Mak Nenek atau Jeram Mengaji merupakan satu tempat yang sama. Tempat pelancongan ini mempunyai beberapa buah cerita yang telah menjadi bualan masyarakat sejak dari dahulu. Cerita-cerita tersebut mula berkembang dan sampai kepada pengetahuan masyarakat pada masa ini. Asalnya cerita ini hanya bermula daripada seorang penutur cerita sahaja dan ia disampaikan pada sesebuah kelompok masyarakat. Cerita-cerita Jeram Mak

Nenek dan Jeram Mengaji boleh dikatakan telah sebatikan dengan kepercayaan penduduk setempat dan mula tersebar oleh pelancong dari luar. Hal ini dikatakan sedemikian kerana cerita Jeram Mak Nenek dan Jeram Mengaji telah menarik perhatian orang ramai dengan keunikan yang terdapat di sebalik nama tempat tersebut. Menurut temu bual dengan penduduk setempat terdapat dua buah cerita rakyat yang dipercayai mempunyai unsur-unsur mitos.

Mitos Mak Nenek

Kisah yang pertama adalah kisah Mak Nenek. Hasil temu bual daripada informan i iaitu Puan Siti Kalsom dan informan ii iaitu Puan Nor Tijah diperoleh maklumat bahawa Jeram Mak Nenek mempunyai satu kisah yang boleh dikatakan memiliki ciri-ciri atau unsur-unsur misteri. Diceritakan bahawa suatu ketika dahulu sebelum jeram ini digelar orang sebagai Jeram Mak Nenek, telah berlaku satu peristiwa yang hanya segelintir penduduk kampung sahaja yang mengetahui atau akan mengalaminya. Kisah itu menjelaskan bahawa pada ketika dahulu terdapat beberapa penduduk yang pernah ternampak kelibat sosok seorang nenek tua di sekitar jeram tersebut. Sosok tersebut dipercayai adalah sosok misteri yang dipanggil orang sebagai Mak Nenek.

Informan i turut berkongsikan pengalaman beliau sendiri bahawa pernah melihat dengan mata kepala sendiri kelibat sosok seseorang yang dipercayai Mak Nenek tersebut pada sebelah waktu senja ketika melakukan aktiviti menjaja makanan di sekitar kawasan itu. Sosok yang dipercayai sebagai Mak Nenek tersebut dikatakan mempunyai susuk tubuh yang bongkok dan sudah agak berusia. Peristiwa tersebut kemudiannya mula tersebar dalam kalangan penduduk setempat sehingga ada daripada kalangan para penduduk teruja untuk mencari bukti tentang kewujudan identiti sosok misteri tersebut.

Namun demikian, tidak semua orang di situ dapat melihat sosok tersebut kerana dipercayai bahawa hanya orang yang mempunyai 'kelebihan' atau memiliki 'kebolehan' tertentu sahaja yang dapat melihatnya. Kelebihan atau kebolehan yang dikatakan ini berkait dengan orang yang mempunyai keistimewaan yang luar biasa seperti dapat melihat benda-benda ghaib. Menurut penduduk setempat, identiti Mak Nenek itu dianggap sebagai makhluk yang tidak nyata kerana hanya hadir pada waktu tertentu sahaja dengan mengelilingi sekitar jeram itu dan tidak akan melebihi kawasan jeram tersebut.

Selain daripada itu juga, terdapat penduduk yang mengatakan bahawa kewujudan nenek tua itu adalah datang daripada jelmaan roh nenek tua yang pandai dalam ilmu perubatan tradisional di kampung tersebut. Hal ini dikatakan sedemikian kerana ketika nenek tua ini hidup ia sering ke hutan di Jeram Mak Nenek untuk mengutip herba-herba atau akar kayu yang dapat dijadikan sebagai ubatan tradisional kepada penduduk kampung yang jatuh sakit. Namun demikian, nama wanita yang hebat dalam ilmu perubatan tradisional itu tidak diketahui penduduk setempat.

Menurut informan i lagi, terdapat juga segelintir penduduk yang mempercayai bahawa entiti tersebut adalah nenek kebayan yang asalnya daripada hutan yang sekiranya merupakan Hutan Simpan Kekal Cabang Tongkat.

Mengikut cerita penduduk setempat juga, nenek kebayan tersebut biasanya turun ke jeram pada waktu senja dan awal pagi untuk tujuan bersiram sahaja. Kedua-dua versi cerita ini dipercayai oleh penduduk setempat sehingga ke hari ini. Identiti tersebut juga masih dikatakan dapat dilihat oleh segelintir penduduk setempat pada masa ini. Kisah identiti Mak Nenek dan nenek kebayan ini juga masih terkenal dalam kalangan penduduk setempat dan mereka masih mengekalkan keaslian kedua-dua versi cerita tersebut kepada generasi pada hari ini.

Mitos Orang Mengaji

Seterusnya, diperoleh data lapangan mengenai mitos kisah orang mengaji al-Quran. Dua informan iaitu informan iii dan informan iv telah ditemubual. Hasil temu bual dengan informan iii iaitu Encik Muhammad Bin Yusoff mengenai latar belakang peristiwa di sebalik munculnya nama Jeram Mengaji, diperoleh cerita bahawa pada sekitar tahun awal 2000-an dahulu sebelum jeram ini beralih nama daripada Jeram Mak Nenek kepada Jeram Mengaji terdapat segelintir penduduk setempat yang bekerja sebagai buruh berdekatan dengan jeram tersebut telah mendengar satu suara.

Menurut kisah yang dikongsikan oleh informan iii ini, suara tersebut kedengaran datang daripada dalam hutan yang mengelilingi jeram tersebut. Suara yang terdengar oleh penduduk setempat itu adalah kedengaran bunyi sekumpulan suara lelaki yang mengaji al-Quran. Penduduk setempat yang pernah mendengar suara mengaji itu mengatakan juga suara tersebut tidaklah kedengaran begitu jelas hanya sayup-sayup sahaja. Suara itu menjelma tidak kira waktu kerana terdapat penduduk yang lalu di sekitar kawasan tersebut akan kedengaran suara orang mengaji. Suara ini juga masih lagi kedengaran oleh segelintir penduduk kampung sehingga hari ini.

Menurut informan iv pula iaitu Encik Arjunaidi Bin Hussin, yang merupakan salah seorang penduduk tempatan yang tinggal berdekatan dengan Jeram Mak Nenek, masyarakat setempat dahulu mempercayai suara orang mengaji yang datang daripada dalam hutan di jeram tersebut adalah suara yang berasal daripada sekumpulan 'orang bunian' iaitu sejenis makhluk halus. Hal ini dikatakan sedemikian kerana terdapat penduduk setempat yang pernah berpengalaman melihat satu perkampungan orang bunian di hutan yang mengelilingi jeram tersebut.

Juga, menurut informan iv ini, mengikut kepercayaan orang-orang tua atau orang lama di kampung sekitar jeram tersebut, dipercayai suara mengaji itu datang daripada makhluk ghaib yang baik. Justeru itu, informan iv turut berkongsikan tentang kisah orang mengaji yang tidak mempunyai unsur-unsur mistik.

Informan iv juga memberi satu lagi versi kisah suara orang mengaji itu yang diambil dari penceritaan masyarakat dahulu yang menyatakan suara mengaji itu datang daripada air jeram yang mengalir sepanjang sungai. Hal ini dikatakan sedemikian kerana air sungai yang mengalir itu berbunyi seolah-olah suara orang mengaji.

PERBINCANGAN HASIL KAJIAN

Sebagai negara yang kaya dengan pelbagai budaya masyarakat pasti akan mempunyai unsur-unsur cerita rakyat di sesebuah tempat. Nama tempat yang terhasil daripada cerita-cerita rakyat ini asalnya merupakan simbolik sesuatu tradisi dan budaya bagi sesebuah kelompok masyarakat. Perkara ini dapat dibuktikan apabila sempena nama Jeram Mak Nenek dan Jeram Mengaji ini hasil daripada cerita-cerita rakyat yang wujud sejak sekian lama. Cerita-cerita yang wujud ini telah dipercayai dalam kalangan masyarakat bahawa peristiwa tersebut benar-benar berlaku pada masa lampau. Oleh yang demikian, peristiwa yang benar-benar berlaku itu perlu diangkat seperti memberi nama tempat tersebut berdasarkan sempena cerita mitos.

Hasil daripada cerita lisan kisah Mak Nenek ini telah menjadi salah satu asbab jeram yang pada masa dahulu tidak mempunyai nama, telah diberi nama sebagai Jeram Mak Nenek. Penduduk setempat sejak dahulu seakan sebulat suara akur untuk memberi nama Jeram Mak Nenek kepadanya sempena kewujudan identiti kelibat seorang nenek yang sering muncul berjalan-jalan di sekitar jeram pada waktu senja pada suatu ketika dahulu.

Menurut maklumat, nama Jeram Mak Nenek ini mula diguna pada tahun 1990-an. Penduduk setempat percaya berdasarkan peristiwa tersebut nenek tersebut harus dianggap sebagai penjaga atau penghuni jeram tersebut. Hasil daripada temu bual juga mengatakan

bahawa nama Jeram Mak Nenek ini diambil untuk menunjukkan tanda hormat penduduk kampung terhadap kawasan identiti tersebut. Perkataan ‘mak’ yang wujud dalam nama jeram ini juga disebabkan kerana tanggapan orang kampung yang menganggap nenek itu adalah penjaga di kawasan jeram.

Seterusnya, menerusi kisah orang mengaji dengan Jeram Mengaji adalah nama tempat ini telah diambil sempena peristiwa tersebut. Pada tahun 2007 pihak Yayasan Tok Kenali Kelantan telah mengambil alih Jeram Mak Nenek untuk membangunkan tempat ini sebagai ekopelancongan di Kelantan. Menurut penjelasan daripada informan iii, cerita lisan orang mengaji yang gempar dalam kalangan penduduk kampung pada awal tahun 2000-an telah menjadi satu asbab untuk pihak Yayasan Tok Kenali Kelantan menukar nama Jeram Mak Nenek kepada Jeram Mengaji. Atas dasar keunikan kisah orang mengaji, pihak Yayasan Tok Kenali tertarik untuk mengambil keputusan menggunakan kisah tersebut sebagai tonggak utama dalam memilih nama baharu bagi menggantikan nama lama jeram tersebut iaitu Jeram Mak Nenek.

Selain itu, kisah orang mengaji dapat diangkat sebagai nama baharu jeram tersebut kerana bersesuaian dengan slogan negeri Kelantan Darul Naim yang berbunyi ‘Membangun Bersama Islam’ yang mana dasar pemerintahan dan pentadbiran negeri berasaskan kepada tiga prinsip iaitu UMI iaitu ‘*Ubudiyyah* (kehambaan kepada Tuhan), *Mas`uliyah* (kebertanggungjawaban) dan *Itqan* (ketekunan). Justeru, kisah air jeram yang mengalir kedengaran seperti suara orang mengaji dikira lebih sesuai dengan tema Islam. Tambahan pula, ramai penduduk yang mengatakan air terjun yang mengalir berbunyi seperti orang mengaji ini membuatkan penduduk setempat bersetuju dengan perubahan nama daripada Jeram Mak Nenek kepada Jeram Mengaji. Dapat dilihat bahawa keterkaitan mitos yang ada pada air jeram itu sendiri turut menyumbang untuk membentuk nama tempat tersebut.

Ciri-ciri Foklor

Di sebalik nama jeram sempena dengan cerita-cerita mitos yang tersebar dalam kalangan orang ramai juga mempunyai kaitan yang rapat dengan ciri-ciri foklor yang terdapat dalam ilmu sastera rakyat. Antara ciri-ciri foklor yang terdapat pada cerita mitos Jeram Mak Nenek dan Jeram Mengaji ialah penceritaannya hanya disebarkan dari mulut ke mulut. Awalnya bermula dari seorang penutur cerita yang menggunakan cara lisan sahaja untuk menyampaikannya kepada individu yang lain. Asasnya cerita rakyat yang disebarkan dari mulut ke mulut seperti yang telah dinyatakan di dalam teori tradisi lisan (*folklore*) ini biasanya penutur utama mengolah semula sesuatu peristiwa yang pernah dilalui dan diceritakan kepada masyarakat setempat dengan menggunakan daya pemikiran kreatif hingga dapat menarik perhatian pendengar. Ciri-ciri foklor yang dapat diutarakan lagi adalah cerita mitos akan berlakunya tokoh tambah. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat tidak mempunyai sebarang rujukan dalam bentuk penulisan kerana cerita-cerita tersebut hanya tersebar dalam bentuk lisan sahaja. Oleh itu, cerita mitos yang disampaikan oleh penutur utama akan berlakunya sedikit perbezaan setelah cerita tersebut disampaikan oleh orang lain. Namun begitu, perbezaan yang berlaku itu tidak memberi sebarang kesan terhadap keaslian cerita asal kerana dalam teori tradisi lisan (*folklore*) itu sendiri ada membuktikan bahawa perubahan yang berlaku itu hanyalah sekadar pada luarannya sahaja dan tidak akan menjejaskan jalan penceritaannya kerana cerita tersebut masih mempunyai intipati yang sama. Sebagai contohnya cerita mitos tersebut akan mengekalkan watak utama dalam cerita seperti watak ‘Mak Nenek’ dalam Cerita Mitos Mak Nenek dan ‘Orang Mengaji’ dalam Cerita Mitos Orang Mengaji.

Ciri foklor yang dikatakan cerita rakyat hanya disampaikan dari mulut ke mulut itu juga jelas memperlihatkan sesebuah cerita rakyat tidak akan mempunyai penutur asalnya. Hal ini

dikatakan sedemikian kerana cerita rakyat tidak diketahui siapakah penutur yang pertama memulakan cerita tersebut pada suatu masa dahulu. Oleh itu, cerita rakyat bersifat hak milik bersama (*collective*) iaitu yang bermaksud cerita rakyat merupakan hak masyarakat yakni soal hak cipta dan milik cerita rakyat Melayu tidak boleh dipertikaikan. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), ada memperihalkan bahawa cerita rakyat Melayu adalah hak milik masyarakat sepenuhnya kerana ia adalah hasil daripada ucapan yang dilahirkan oleh masyarakat dahulu.

Nilai-Nilai Mitos

Nilai mitos yang terdapat menerusi cerita mitos Jeram Mak Nenek dan Jeram Mengaji ialah cerita asal usul. Dalam konsep mitos sendiri ada mengatakan bahawa mitos itu sendiri adalah kisah asal usul. Kisah asal usul yang dikatakan ini adalah berkaitan dengan kisah asal usul manusia, asal usul tempat dan asal usul sesuatu kejadian. Menerusi cerita-cerita mitos yang terdapat di Jeram Mak Nenek telah jelas mengaitkan dengan cerita mitos asal usul. Cerita mitos asal usul yang terdapat di jeram ini adalah berkaitan dengan tentang cerita mitos asal usul penamaan. Lazimnya masyarakat dahulu meletakkan nama sesuatu tempat itu dengan berdasarkan peristiwa-peristiwa yang pernah terjadi di tempat tersebut. Nama tempat yang akan diletakkan itu pasti akan berkait rapat dengan peristiwa yang berlaku. Jika diteliti banyak nama tempat yang diambil sempena cerita-cerita mitos itu akan kedengaran pelik tetapi masih boleh dianggap unik.

Nilai mitos kisah Mak Nenek dan Orang Mengaji yang dapat dinyatakan lagi ialah berkaitan dengan imaginasi. Cerita lisan yang tentunya bersifat bebas dan tidak terikat akan mempunyai idea imaginasi yang diterapkan oleh pengarang cerita. Faisal Tehrani (2008), menyatakan bahawa imaginasi adalah unsur yang paling penting bagi melahirkan karya yang kreatif. Kenyataan daripada beliau mengatakan bahawa imaginasi adalah keupayaan untuk mencipta citra yang berupaya menggambarkan imej peribadi seseorang yang belum pernah terjadi secara nyata. Imaginasi yang terdapat pada kisah Mak Nenek dan Orang Mengaji ini berkaitan dengan terdapatnya perhubungan antara mitos dan juga realiti.

Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita-cerita mitos boleh dikatakan cerita yang mempunyai separa mitos dan separa realiti. Perkara ini dikatakan sedemikian kerana sesuatu cerita itu akan mengikut kisah yang benar dan selebihnya lebih kepada berimaginasi sehingga terjadinya cerita mitos. Walaupun cerita mitos ini mempunyai tahap imaginasi yang tinggi sehingga dianggap sebagai khayalan dan tetap dipercayai oleh segelintir masyarakat di sesebuah tempat. Hal ini kerana terdapat golongan masyarakat yang masih menerima cerita mitos yang berkait dengan dewa-dewi atau makhluk yang tidak nyata.

Dalam teori mitos yang dinyatakan oleh Robert Graves (1955) ada menyatakan bahawa cerita mitos ini akan bersangkutan dengan unsur-unsur khayalan seperti kepercayaan terhadap dewa dewi. Menurut Norazimah Zakaria et.al (2019), mitos mencerminkan perkaitan pemikiran masyarakat dengan unsur-unsur animisme yang melatari kehidupan mereka sebelum tibanya kepercayaan-kepercayaan lain. Jai Kemalok dan Maryati Mohamed (2020) mengatakan mitos merupakan cara manusia memahami, menyatakan dan juga menghubungkannya kepada diri sendiri serta sebagai wadah budaya.

Menelusuri kisah Mak Nenek yang mengatakan bahawa penduduk setempat mempercayai ia merupakan entiti nenek yang tidak wujud dalam dunia nyata ini adalah hasil daripada imaginasi yang tinggi oleh penutur cerita ini dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat informan yang mengatakan bahawa penduduk setempat mempercayai bahawa entiti mak nenek itu adalah tidak wujud. Entiti tersebut dianggap sebagai makhluk yang tidak nyata kerana penutur dahulu kala mengatakan hanya wujud pada waktu senja sahaja. Perkara berikut menunjukkan bahawa penutur cerita ini berimaginasi entiti yang boleh dikatakan mempunyai unsur mistik ini adalah perkara yang tahayul. Hal ini juga seiring dengan

kepercayaan orang-orang lama dahulu yang lebih mempercayai terhadap kewujudan makhluk yang tidak nyata ini.

Sama juga seperti kisah orang mengaji yang mengatakan bahawa terdapat penduduk yang berpengalaman kedengaran suara orang mengaji al-Quran di sekitar jeram tersebut adalah dianggap satu perkara yang ghaib. Hal ini dikatakan demikian kerana, suara orang mengaji tu tidak mempunyai gerangnya. Peristiwa ini juga boleh dianggap sebagai perkara yang tahayul kerana penutur cerita dahulu berimajinasi suara orang mengaji al-Quran itu adalah datang daripada suara-suara makhluk yang tidak nyata iaitu bunian. Tanggapan ini telah menjadi sebatian dengan penduduk setempat sejak dari dahulu hingga kini.

Berdasarkan dapatan di atas, kedua-dua nama mitos ini menyimpan nilai kepercayaan masyarakat setempat dan bentuk pemikiran mereka. Rakaman budaya pemikiran masyarakat Melayu di masa lampau masih terpancar di sebalik penamaan lama Jeram Mak Nenek yang dikekalkan sebagai suatu kenangan lalu dan mungkin sebagai penghormatan kepada suatu sosok yang dipercayai menjaga atau menjadi 'penunggu' di situ. Hal ini bolehlah dikatakan sebagai warisan kepercayaan berunsur tahayul atau keramat yang bersifat animisme sebagaimana pernah dianuti masyarakat Melayu pada era primitif sebelum menerima Islam. Malah sosok mak nenek yang biasanya dihubungkan dengan nenek kebayan juga merupakan satu lagi watak mitos dan lagenda yang sering dikaitkan dengan pelbagai watak atau kisah di istana Melayu, para bangsawan dan rakyatnya serta hubungan dengan alam ghaib.

Bagaimanapun dengan kemunculan nama kedua yang dipanggil kepada jeram ini iaitu Jeram Mengaji atau Orang Mengaji, dapat dilihat sebagai suatu bentuk perubahan kepada unsur keislaman atau dengan kata lain ia membawa nilai Islam. Nilai Islam dalam cerita rakyat adalah bertujuan membawa manusia ke arah kebaikan selaras dengan ajaran agama Islam (Muhammad Nur al-Hakim dan Mohd Firdaus, 2021). Malah, cerita rakyat yang membawa perihal jin seperti suara orang mengaji di hutan biasanya dianggap sebagai suara orang bunian adalah tidak janggal bagi kepercayaan dan pengalaman umat Melayu Islam dan Nusantara. Sehingga mutakhir ini, hal-hal kejadian yang dikaitkan dengan perbuatan bunian khususnya di hutan seperti wujud perkampungan bunian atau disembunyikan bunian, berkahwin dengan bunian adalah lumrah diberitakan di dalam media di seluruh negara. Bahkan dalam Islam, umat Islam diperingatkan bahawa Allah SWT juga menjadikan beberapa tempat di bumi sebagai tempat kediaman jin seperti hutan yang kelam dan jeram sehingga ada dibuatkan pantang larang berkaitan dengannya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, setiap tempat lazimnya mempunyai cerita di sebalik asal usul peletakan namanya. Kebiasaannya cerita asal usul nama tersebut berkait dengan cerita mitos atau mitologi yang seiring dengan maksudnya iaitu cerita tentang kisah segala asal usul seperti asal usul tempat, asal usul manusia dan asal usul sesuatu kejadian. Berikutan dengan nama Jeram Mak Nenek dan Jeram Mengaji yang dikaji ini, beberapa versi kisah berkaitan mitosnya telah dapat dikumpulkan. Cerita-cerita mitos yang wujud di sebalik asal usul nama tempat ini bersumberkan cerita lisan yang telah lama wujud dalam kalangan penduduk setempat sejak dari dahulu. Cerita-cerita mitos ini mula berkembang setelah penduduk setempat menerima cerita-cerita tersebut daripada seorang penutur cerita. Namun cerita-cerita mitos yang dipaparkan didapati berbentuk imajinasi dongeng kerana jalan penceritaan mempunyai unsur-unsur ghaib dan tidak dapat dibuktikan kebenarannya namun ia dipercayai masyarakat setempat sebagai pernah terjadi. Hasil kajian ini juga dapat mengangkat nama asal usul tempat ini untuk difahami dengan lebih mendalam dan dapat disebarkan secara lebih jelas. Secara tidak langsung hasil kajian ini juga dapat mengongsi sejarah asal usul penamaan

jeram yang bukan dari kisah sembarangan walaupun ia disampaikan daripada mulut ke mulut orang tempatan. Kini cerita mitos di jeram ini telah diangkat menjadi satu himpunan cerita rakyat yang terdapat di negeri Kelantan. Kajian ini juga menghasilkan tafsiran dan justifikasi bagi kepercayaan dan kekreatifan akal budi dan pandangan dunia masyarakat Melayu di sebalik mitos yang diabadikan mereka di sebalik penamaan jeram ini yang sebelumnya pernah terpinggir dari dikunjungi masyarakat akibat tidak dibangunkan.

RUJUKAN

- Artherwright, T. 1972. *Dictionary of Literary Term*. London: George Allen and Unwin Ltd.
- Danandjaja, James. 1986. *Folklor Indonesia*. Jakarta: PT. Temprint.
- Dilah Tuah. 2022. Sastera Rakyat daripada Perspektif Kearifan Tempatan dan Potensinya kepada Pelancongan Budaya di Sarawak. *Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*. 92(2): 153-168.
- Eliade, M. 1963. *Myth and Reality*. New York: Harper & Row.
- Fatimah Hassan & Hamid Mohd Isa. 2014. Mitos & Legenda Sebagai Produk Pelancongan di Malaysia: Kajian Kes Lembah Lenggong. *Journal of Society and Space*. 10(5): 168-175.
- Frazer, J. G. 1918. *Folklore in The Old Testament*. London: Macmillan.
- Graves, Robert. 1955. *The Greek Myths*. Harmondsworth: Penguin.
- Hashim Awang et. al. 1985. *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Harun Mat Piah. 2003. *Sastera Rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam: Satu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. 1987. *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Petaling lama: Longman Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 Daerah Pentadbiran. Putrajaya.
- Jai Kemalok & Maryati Mohamed. 2020. Peranan Mitos dalam Masyarakat Orang Asli Kampung Peta, Endau, Mersing, Johor, *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(1), 2020: 75 - 82 (<https://doi.org/10.17576/jatma-2020-0801-07>)
- Low Kok On. 2001. *Citra Rakyat dalam Legenda Mat Salleh*. Universiti Malaysia Sabah: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.
- Malinowski, B. 1948. *Magic, Science and Religion and Other Essays*. New York: The Free Press.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2022. Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Rakyat di Kota Bharu Kelantan. *Jurnal Melayu Isu Khas Disember 2022*: 157-172.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2015. *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Nur al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aishah Jusoh. 2021. Polemik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium pendidikan morak Kepada Kanak-Kanak. *Jurnal Melayu Bil 20 (2) 2021*: 194-212
- Muhammad Nur al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob. 2021. Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Pendekatan Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak. *Jurnal Melayu Bil 20 (1) 2021*: 79-92.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humaira Mohd 2019. Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2(6), 78-87. DOI: 10.35631/ijhpl.26007

- Pusat Ekonomi Digital. 2019. Kampung Selising, Kelantan.
- Ruhaiza Abu Bakar, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris & Mohamad Kazar Razali. 2017. Mitos & Legenda Tasik Chini Sebagai Produk Pelancongan. *Jurnal Wacana Sarjana* 1(1): 1-25.
- Tylor, A. 1958. *The Origins of Culture*. New York: Harper.

Biodata Penulis:

Afaf Salsabila Husna Binti Arjunaidi merupakan lulusan Sarjana Muda Program Persuratan Melayu, Pusat BITARA MELAYU, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muammar Ghaddafi Hanafiah (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran dan penyelidikan beliau ialah Peradaban Melayu Islam dengan tumpuan penyelidikan ke arah pemikiran, budaya dan sastera.